

# Misi bio Malaysia jalin tujuh kerjasama di San Diego

**Misi** pelaburan dan perdagangan bio Malaysia sempena Konvensyen Antarabangsa BIO 2014 di San Diego, Amerika Syarikat (AS) menghasilkan tujuh pertukaran dokumen bagi kerjasama dalam industri bioperubatan dan kesejahteraan.

Perbadanan Bioteknologi Malaysia (Bio-techCorp) dalam satu kenyataan semalam, berkata pertukaran dokumen pertama ialah antara Algae International Bhd (AIB) dan Nutrigae untuk membangunkan projek/program yang memberi manfaat bersama bagi menjana produk berkaitan alga.

Pertukaran kedua ialah antara Sen-genics Sdn Bhd dan CollabRx Inc untuk mengembangkan perkhidmatan diagnostik klinikal seluruh 'exome'.

## Terapeutik baharu

Ketiga ialah antara Neopeutics dan FELDA Wellness Corporation, memberi laluan bagi penemuan potensi bahan terapeutik baharu daripada ubat tradisional Malaysia dan biodiversiti Malaysia untuk pasaran antarabangsa.

FELDA Wellness juga akan bekerjasama dengan Gordagen dalam projek yang bertujuan mengekstrak sebatian baharu daripada minyak sawit untuk mencipta produk latihan daya tahan, kesihatan jantung dan kawalan glisemik.

Pertukaran dokumen yang kelima mem-babitkan FELDA Wellness dan Malaysian Genomics Resource Centre Bhd, bagi perkhidmatan jujukan genom untuk tum-buhan dan perkhidmatan penyaringan genetik untuk manusia dikenali sebagai Dtect, yang akan menyaring DNA untuk penanda genetik yang dikaitkan dengan risiko penyakit.

Setiap ujian Dtect disesuaikan untuk kumpulan penyakit tertentu, seperti kardiovaskular, metabolisme serta penyakit pediatrik, dan keputusan boleh membantu menguruskan kesihatan penduduk.

## Kenal pasti peluang

FELDA Wellness akan turut bekerjasama dengan syarikat perlombongan data Seeloz untuk membantu ia mengenal pasti peluang pasaran dan mengembangkan operasi di peringkat global, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan mem-bawa faedah ekonomi untuk Malaysia.

**BERNAMA**